

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**

**TARIKH : 08 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan hambatan yang dihadapi oleh Malaysia dalam MoU dengan pihak Indonesia dalam pengambilan pembantu rumah sejak tahun 2016. Berapa orang pekerja rumah telah direkrut di bawah program “Maid Online” sejak sistem “Maid Online” dilaksanakan pada tahun 2017.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Sehingga 28 Februari 2021, seramai 73,173 pekhidmat domestik Indonesia yang masih bekerja di Malaysia. Penggajian pekhidmat domestik dari Indonesia di Malaysia adalah jumlah terbesar selepas penggajian domestik negara Filipina (Sumber: My IMMs, Jabatan Imigresen Malaysia, 2021).

Berdasarkan sumber data yang diperolehi daripada Kementerian Dalam Negeri, pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara Pembantu Rumah Asing (PLKS PRA) melalui Sistem *Maid Online* (SMO) pada 1 Januari hingga 15 Oktober 2021 adalah sebanyak 867. Jumlah ini merangkumi sembilan buah negara termasuklah Indonesia. Daripada pecahan 867 tersebut, pengeluaran PLKS PRA melalui SMO bagi Indonesia adalah sebanyak 564 permohonan, iaitu permohonan paling banyak berbanding negara-negara lain.

Sejak tahun 2006, pengambilan dan penggajian pekhidmat domestik Indonesia untuk bekerja di Malaysia dilakukan melalui beberapa siri Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Indonesia. *Protocol Amending MoU 2011* telah berakhir pada 30 Mei 2016. Beberapa siri rundingan telah diadakan pada November 2017 dan November 2018, namun gagal memuktamadkan MoU baharu.

Seterusnya, satu mesyuarat duahala *Joint Working Group* (JWG) yang dijadualkan pada November 2019 di Kuala Lumpur untuk memuktamadkan MoU baharu bagi pengambilan dan penggajian pekhidmat domestik Indonesia ke Malaysia telah ditangguhkan berikutan isu-isu yang tidak mendapat kesepakatan antara kedua-dua belah pihak. Antara isu-isu tersebut ialah Sistem *Maid Online*, *One Maid One Task* dan kos perekrutan yang tinggi.

## SOALAN NO: 14

Terkini, satu perbincangan telah diadakan pada 23 Julai 2021 di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Indonesia mengenai Draf MoU Penggajian dan Perlindungan Pekhidmat Domestik Indonesia di Malaysia. Secara prinsipnya, Malaysia menyatakan bahawa '*One Channel System*' seperti yang diusulkan dalam draf MoU merujuk pada proses perekrutan yang akan dilakukan oleh sistem dalam talian yang digunakan oleh Kerajaan Malaysia. Sistem yang akan digunakan oleh Kerajaan Malaysia ini akan disatukan dengan sistem pengurusan pekerja asing di Indonesia.

Semasa mesyuarat Jawatankuasa Kerja Teknikal (TWG) yang diadakan pada 13 Oktober 2021, Kerajaan Indonesia mensyaratkan penggunaan satu saluran sahaja untuk pengambilan dan penempatan pekhidmat domestik Indonesia di Malaysia. Kerajaan Malaysia telah bersetuju satu saluran pengambilan dan bagi tujuan itu telah memaklumkan bahawa sistem sedia ada iaitu *Foreign Workers Centralised Management System (FWCMS)* akan digunakan. Dalam mesyuarat tersebut juga, pihak Indonesia memohon integrasi dilaksanakan di antara sistem di Indonesia dan sistem FWCMS.